

POLA PENGAJARAN TARANNUM AL-QURAN DI SARAWAK

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

MUHD SYAH AZIZAMIR BIN SAHMAT

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

POLA PENGAJARAN TARANNUM AL-QURAN DI SARAWAK

MUHD SYHAZIZAMIR BIN SAHMAT

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

UPSI/IPS-3/BO 32
Print : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 19 MEI 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, MUHD SYHAZIZAMIR BIN SAHMAT, M20182001996, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk POLA PENGAJARAN TARANNUM AL-QURAN DI SARAWAK adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

(MUHD SYHAZIZAMIR BIN SAHMAT)

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF MADYA DR AZMIL BIN HASHIM dengan ini mengesahkan bahawa hasil pelajar yang bertajuk POLA PENGAJARAN TARANNUM AL-QURAN DI SARAWAK dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM).

Tarikh: 19 MEI 2021

Tandatangan Penyelia
PROF. MADYA DR. AZMIL BIN HASHIM
PENYAHAB KEMAH
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s: 1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: POLA PENGAJARAN TARANNUM AL-QURAN DI SARAWAK

No. Matrik / Matric No.: M20182001996

Saya / I: MUHD SYAH AZIZAMIR BIN SAHMAT
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 1 MAC 2021

PROF. MADYA DR. AZMI HASHIM
PENYERAH KAJIAN
FAKULTI SAINS KEMAHASISAAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur bagi Allah S.W.T Tuhan sekalian alam. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W penghulu segala nabi dan rasul. Saya bersyukur ke hadrat Allah Taala, kerana dengan rahmat dan kasih sayang-Nya memberikan saya kekuatan dan semangat kepada saya untuk menyempurnakan disertasi ini bagi memenuhi syarat memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) di Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama disertasi ini iaitu Prof Madya Dr Azmil Bin Hashim atas bimbingan, dorongan, teguran serta bantuan yang tidak terhitung dalam usaha menjayakan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan turut diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung bagi menjayakan kajian ini terutama kepada pembaca dalaman dan pembaca luaran, pensyarah, rakan-rakan seperjuangan di Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, para sahabat yang sentiasa membantu dan guru-guru tarannum yang terlibat.

Istimewa buat ayahanda Sahmat bin Materang dan Ibunda Marjiah Hj Amit yang tidak pernah jemu mendoakan, membantu dan memberi semangat kepada anaknya dalam melakukan apa-apa sahaja terutama dalam menimba ilmu pengetahuan. Tidak lupa juga kepada isteri dan adik beradik yang juga merupakan sumber kekuatan dalam mengharungi segala cabaran dan dugaan.

Hanya Allah S.W.T sahaja yang Maha mengetahui segala kebenaran dan hanya Allah S.W.T jua yang dapat memberi ganjaran dan kebaikan atas jasa mereka semua

ABSTRAK

Dalam pengajaran tilawah al-Quran, antara kaedah yang sering digunakan ialah *talaqqi* dan *musyafahah* di mana guru perlu memberikan contoh bacaan kepada murid dan kemudian para murid mengikuti bacaan guru beramai-ramai. Dalam melahirkan guru yang berkualiti, guru seharusnya dapat menunjukkan contoh bacaan yang paling cantik dan bermutu kepada murid. Bacaan yang baik ini dapat dinilai dengan bacaan yang menepati hukum tajwid, suara yang baik, lagu yang berlahjah arab serta bacaan yang tenang. Walau bagaimanapun, masih kurang guru tarannum yang berkemahiran dalam mengajar ilmu tarannum. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pola pengajaran tarannum al-Quran di Sarawak dalam melihat dari aspek demografi guru, kaedah, teknik, aktiviti dan abm. Reka bentuk kajian adalah berbentuk kualitatif yang dilakukan secara temu bual separa berstruktur. Hasil dapatan menunjukkan setiap guru mempunyai pengalaman dan berkemahiran yang tinggi dalam ilmu tarannum. Selain itu, hasil dapatan menunjukkan guru menggunakan pelbagai kaedah, teknik dan aktiviti yang tersendiri sesuai dengan keadaan pelajar. Walau bagaimanapun, hasil dapatan menunjukkan penggunaan ABM dalam pengajaran tarannum masih kurang di amalkan dan ianya perlu kepada penambahbaikan. Kesimpulannya, penambahbaikan perlu dilakukan dari setiap aspek bagi meningkatkan kualiti guru. Implikasinya, kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan sekaligus dapat membantu meningkatkan lagi kompetensi guru dalam mengajar tarannum al-Quran khususnya di Sarawak.

TARANNUM AL-QURAN TEACHING PATTERNS IN SARAWAK

ABSTRACT

In the teaching of recitation of the Quran, among the methods that are often used are *talaqqi* and *musyafahah* where the teacher had to give examples of recitation to students and then the students follow the teacher's reading. In producing quality teachers, teachers should be able to show the most beautiful and quality examples of reading to students. This good recitation can be evaluated with a recitation that complies with the law of tajwid, a good voice, a song with Arabic accent and a calm reading. However, there are still less *tarannum* teachers who are skilled in teaching *tarannum* knowledge. Therefore, this study aims to identify the teaching pattern of *tarannum* al-Quran in Sarawak in terms of the demographics of teachers, methods, techniques, activities and ABM. The study's design is qualitative in nature conducted in a semi-structured interview. The results show that every teacher has high experience and skills in *tarannum* knowledge. In addition, the results show that teachers use a variety of methods, techniques and activities that are appropriate to the situation of students. However, the findings show that the use of ABM in *tarannum* teaching is still less practiced and it needs to be improved. In conclusion, improvements need to be made from every aspect to improve the quality of teachers. Implications, this study can be used as a reference as well as can help further improve the competence of teachers in teaching *tarannum* al-Quran, especially in Sarawak.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Penyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	14
1.5	Persoalan Kajian	15
1.6	Kerangka Teori	15



1.6.1	Model Pengajaran Al-Quran Al-Qabisi (1955)	16
1.6.2	Model Pengajaran Taranum (Mazhair Shahroz Muhasip, 2014)	18
1.7	Kerangka Konseptual	22
1.8	Kepentingan Kajian	25
1.9	Batasan Kajian	25
1.10	Definisi Operasional	26
1.10.1	Pengajaran	26
1.10.2	Tarannum	28
1.11	Kesimpulan	29

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	30
2.2	Pengajaran	30
2.3	Model Pengajaran Al-Quran Al-Qabisi (1955)	32
2.3.1	Kaedah Pengajaran Al-Quran Menurut al Qabisi	33
2.3.2	Teknik Pengajaran al-Quran Menurut al Qabisi	36
2.4	Pendidikan tarannum Al-Quran	36
2.4.1	Falsafah Pendidikan Tarannum	36
2.4.2	Pengajaran Tarannum al-Quran	37
2.4.3	Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum al-Quran	40
2.4.4	Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran Tarannum Al-Quran	42

2.4.5	Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Tarannum Al-Quran	44
2.5	Huraian Konsep	45
2.5.1	Tarannum	45
2.5.2	Asas Lagu-Lagu Al-Quran	46
2.5.3	Ciri-Ciri Tarannum	49
2.6	Kajian Lepas	54
2.6.1	Kajian Mengenai Kemahiran Guru	54
2.6.2	Kajian Mengenai Pengajaran Tilawah Al-Quran	57
2.6.3	Kajian Mengenai Tarannum Al-Quran	59
2.6.4	Kajian Mengenai Aktiviti Dalam Melaksanakan Kemahiran Tarannum Dalam Pengajaran Al-Quran	62
2.7	Kesimpulan	63

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	64
3.2	Reka Bentuk Kajian	65
3.3	Lokasi Kajian	66
3.4	Populasi dan Pesampelan Kajian	66
3.5	Instrumen Kajian	67
3.5.1	Temubual	68
3.6	Metod Pengumpulan Data	68
3.6.1	Pengumpulan Temubual	69
3.7	Kesahan Instrumen	69
3.8	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	71

3.9	Kaedah/Teknik Menganalisis Data	72
3.9.1	Pengumpulan Data Temubual	72
3.10	Tatacara Analisis Data	73
3.10.1	Analisis Data Kualitatif	73
3.11	Kesimpulan	73

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	75
4.2	Profil Responden Kajian	76
4.2.1	Profil Guru Tarannum	76
4.2.2	Pengajaran Tarannum Al-Quran	84
4.3	Penggunaan Dan Kemudahan ABM Dalam Tarannum	113
4.4	Kesimpulan	119

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	120
5.2	Ringkasan Kajian	121
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	122
5.3.1	Profil Guru Tarannum	122
5.3.2	Pengajaran Tarannum Al-Quran	126
5.3.3	Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Tarannum	145
5.4	Kesimpulan Dapatan Kajian	147
5.4.1	Rumusan	147
5.5	Implikasi Kajian	151

5.5.1	Implikasi Pengajaran Tarannum Al-Quran	151
5.6	Cadangan Kajian	154
5.6.1	Cadangan Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia	154
5.6.2	Cadangan Kepada Sekolah	155
5.6.3	Cadangan Kepada Pelaksana P&P Tarannum Al-Quran	156
5.6.4	Cadangan Kepada Ibu Bapa	157
5.6.5	Cadangan Pengkajian Lanjutan	157
5.7	Penutup	158

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
4.1	Profil Guru Tarannum	82
4.2	Kaedah Pengajaran	89
4.3	Teknik Pengajaran Tarannum Al-Quran	96
4.4	Kaedah Pengajaran Lagu-Lagu Dalam Tarannum	104
4.5	Aktiviti Pengajaran Tarannum Al-Quran	108
4.6	Pengajaran Fokus Kepada Kesalahan Dalam Tarannum	112
4.7	Penggunaan dan Kemudahan ABM Dalam Tarannum	118

SENARAI RAJAH

No Rajah		Muka Surat
1.1	Model Pengajaran Al-Quran Al-Qabisi (1955)	21
1.2	Model Pengajaran Tarannum Mazhari (2014)	22
1.3	Kerangka Konseptual Kajian	24



SENARAI SINGKATAN

S. W. T	Subhanahu Wa Ta'ala
S. A. W	Sallallahu Alaihi Wa Sallam
ABM	Alat Bantu Mengajar
MTQ	Majlis Tilawah Al-Quran
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia



SENARAI LAMPIRAN

- A. Soalan Temu Bual
- B. Tanskrip Data Temu Bual Responden

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Al-Quran merupakan kitab agung yang Allah turunkan kepada junjungan besar Rasulullah S.A.W untuk disampaikan kepada umat manusia sekalian alam (Mazhair Shahroz 2014). Keagungan al-Quran dapat dilihat melalui kemukjizatannya daripada pelbagai aspek termasuklah aspek bacaan (Yusuf Ahmad 2000).

Melihat dari sudut penurunan al-Quran, bacaan al-Quran yang diajarkan secara talaqqi dan musyafahah kepada Rasulullah S.A.W bukanlah sekadar bacaan semata-mata, malah ianya diturunkan untuk difahami dan dihafal oleh Rasulullah S.A.W (Mazhair Shahroz 2014). Walaubagaimanapun, menurut Al-Buti (1991),



Allah s.w. t menegur kegopohan Rasulullah s.a.w dalam memahami dan menghafal ketika penurunan wahyu seperti mana dalam surah al-Qiyamah (ayat 16 dan 17)

لَا تُخْرِجْ لِسَانَكَ عِجْلًا

Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca) Al-Qur'an karena hendak cepat-cepat (menguasai)nya. (Al-Qiyamah: 16)

Teguran tersebut turut menyentuh aspek keindahan suara ketika membaca al-Quran (Al-Buti 1991). Menurut beliau lagi, catatan sejarah penurunan al-Quran itu telah membuktikan galakan kepada suara yang elok ketika membaca al-Quran.

Menurut Nik Jaafar (1998) menyatakan Allah s.w.t telah menurunkan ayat yang menyeru Rasulullah s.a.w memperelokkan bacaan ketika membaca al-Quran berdasarkan surah Muzammil ayat 4 :

وَيَذُرْ الْقُرْآنَ يَتَرِيلًا

Dan bacalah Al-Qur'an itu dengan perlahan-lahan. (Al-Muzzammil: 4)

Ibn Manzur (1405H) dalam *Lisan al-Arab* menukikan bahawa *al-tartil* bermaksud sebaik-baik bacaan, jelas dan terang, serta perlahan-lahan. Menurut Al-Alusi (1994M) dalam kitab *Ruh al-Ma'ani* mentafsirkan ayat tersebut ialah bacaan yang jelas, terang makhrajnya serta perlahan-lahan.

Selain itu, Ibn al-Jazari (1418H) menukikan pandangan Sayyidina 'Ali dimana yang dimaksudkan dengan *al-tartil* ialah





تجويد الحروف ومعرفة الوقوف

Maksudnya: Memperelokkan sebutan huruf dan mengetahui tempat-tempat waqaf dan ibtida'

Menurut Lukman et.al (2012), dalam tilawah al-Quran seharusnya dibaca dengan paling baik dan merdu sesuai dengan status al-Quran itu sendiri. Ianya menjadi satu keperluan dalam mempelajari ilmu tarannum bagi menunaikan hak tilawah al-Quran dengan sebaik-baiknya.

Menurut beliau lagi, perkataan tarannum itu sendiri disandarkan kepada lagu al-Quran adalah berdasarkan hadith tersebut:

ما أذن له للشيء ما أذن له في حسن الترتيب القرآن

Maksudnya: Allah tidak mendengar (dengan penuh perhatian) terhadap sesuatu perkara seperti mana Allah menumpukan perhatian kepada seorang nabi yang memperelokkan lagu (tarannum) Al-Qurannya

Berdasarkan hadith tersebut dapat dikenalpasti bahawa Rasulullah s.a.w menggunakan istilah yang khusus iaitu "*tarannum bil quran*". Oleh kerana perkataan tarannum itu adalah bersifat umum dan boleh digunakan kepada perkara lain juga, maka "*tarannum bil quran*" sepatutnya dijadikan suatu istilah khusus kepada bidang pengajian ilmu ini (Lukman et.al 2012)

Oleh yang demikian, seharusnya sebagai makhluk Allah yang dikurniakan kitab yang mulia ini, kemuliaan dan ketinggiannya adalah di dalam semua aspek sama ada dari sudut mukjizatnya, ketinggian bahasanya, perkhabaran tentang



peristiwa lepas, semasa dan akan datang, bahkan tilawahnya yang mesti dibaca dengan paling baik dan merdu sesuai dengan status Al-Quran.

Adalah menjadi satu keperluan untuk mempelajari ilmu al-Quran bagi menunaikan hak tilawah Al-Quran dengan sebaik-baiknya (Lukman et.al 2012).

1.2 Latar Belakang Kajian

Guru merupakan individu penting dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar di sekolah. Dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, guru perlu menguasai kaedah dan teknik pengajaran dengan baik, mahir dalam mata pelajaran yang diajar, melakukan penilaian kepada murid serta membina hubungan yang baik dengan murid. Aspek-aspek ini penting untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai (Noor fazillah Hassan et.al 2015).

Menurut Alis Putih (2012), keberkesanan pengajaran bergantung kepada perancangan dan kualiti guru itu sendiri. Kelemahan dari segi pengajaran masih menjadi isu utama dalam pencapaian murid. Guru perlu melakukan satu pendekatan sistematik dalam proses perkembangan ilmu dan kemahiran melalui kaedah yang sesuai bagi mewujudkan pembelajaran yang berkesan di bilik darjah (Alis Putih 2012).

Merujuk kepada kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* dalam pengajaran tilawah al-Quran, menurut Nik Jaafar (1998), guru perlu memberikan contoh bacaan kepada murid dan kemudian para murid mengikuti bacaan guru beramai-ramai.

Dalam melahirkan guru yang berkualiti, guru seharusnya dapat menunjukkan contoh bacaan yang paling cantik dan bermutu kepada murid. Bacaan yang baik ini dapat dinilai dengan bacaan yang menepati hukum tajwid, suara yang baik, lagu yang berlahjah arab serta bacaan yang tenang (Nik Jaafar 1998).

Menurut Noor Fazillah Hassan et.al (2015), pengajaran tilawah al-Quran lebih memfokuskan kepada bacaan al-Quran. Bacaan al-Quran yang baik adalah bacaan yang disertai dengan seni lagu al-Quran agar bacaannya lebih dihayati dan sedap didengar. Hal ini kerana al-Quran itu sendiri merupakan mukjizat terbesar yang dikurniakan Allah s.w.t kepada nabi Muhammad s.a.w untuk manusia sejagat. Selain menghayati makna yang terkandung di dalamnya, sebutan huruf dan bunyi yang dibaca dengan baik turut mempengaruhi pembaca dan pendengarnya.

Menurut Lukman et.al (2012) dalam temubual bersama al-Fadhil Tuan Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail, beliau menyatakan bahawa bacaan Rasulullah adalah terdiri dari empat perkara asas iaitu tajwid, tarannum, fasahah dan suara. Kenyataannya berdasarkan dalil-dalil tersebut:

وَيَلِّ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا

Maksudnya: Dan bacalah Al-Quran dengan cara tartil

Ibn Manzur menukilkkan bahawa *al-tartil* bermaksud sebaik-baik bacaan, jelas dan terang, serta perlahan-lahan. Ibn ‘Abbas mentafsirkan bacaan yang jelas, terang makhrajnya serta perlahan-lahan. Sayyidina ‘Ali pula berpendapat *al-tartil* ialah



تجويد الحروف ومعرفة الوقوف

Maksudnya: Memperelokkan sebutan huruf dan mengetahui tempat-tempat waqaf dan ibtida’

Selain itu, Rasulullah s.a.w membaca Al-Quran dengan tartil serta suara dan tarannum yang baik. Ini diperjelaskan dalam hadith berikut:

عن البراء بن عازب رضي الله عنه قال سمعت النبي صلى الله عليه وسلم يقرأ والتين والذيت ووقف على عشاء وماسمعت أحدا حسن صوتا فيه

Maksudnya: Dari al-Bara’ bin ‘Azib r.a berkata bahawa aku dengar nabi membaca surah al-tin dalam sembahyang Isyak. Aku tidak pernah mendapati seorang yang lebih baik suara (bacaannya) lebih dari Baginda



Selain itu juga, terdapat hadith ini juga menyokong tentang penggunaan suara yang baik ketika mentilawahkan Al-Quran.

عن عبد الله بن مغفلة قال سمعت النبي صلى الله عليه وسلم يقرأ الفاتحة في صلاة الليل

الفاتحة على حال تفريح في قراءته

Maksudnya: Abdullah bin Mughaffal al-Muzaniy berkata bahawa Rasulullah membaca surah al-fath pada tahun pembukaan kota makkah. Pada ketika itu Baginda sedang menuju ke Makkah di atas kenderaan Baginda. Baginda membacanya dalam keadaan melagu-lagukannya (bertarannum).

Tambahan beliau (Lukman et.al 2012) lagi, sebagai membuktikan bahawa *tartil* mesti mengandungi empat unsur di atas, beliau turut menyatakan pandangan imam ibn al-Jazari yang telah menukulkan dalam kitabnya yang masyhur iaitu ‘tayyibah al-nasyr’ sebagaimana berikut,





يُقرّالقرآنلبتلاحيقيق مع[°]
 حدر وتديروكل بقبع
 مع حسن صوتبل حونللا عرب
 مبال مبلوبال عبي

Maksudnya: Dibaca Al-Quran itu dengan tahqiq bersama hadar dan tadwir, semua itu adalah (sunnah) yang diikuti (dari Rasulullah) dengan menggunakan suara yang elok dihiasi pula dengan tarannum-tarannum Arab secara murattal, mujawwad dengan lajhah Arab.

Menurut Norzaini & Mohamed Sani (2007), guru Pendidikan Islam seharusnya memiliki pengalaman dan kemahiran dalam bidang pengajaran untuk melaksanakan tugas dengan sempurna kerana tanggungjawab mereka bukan setakat memastikan kejayaan murid, malah memikul amanah Allah s.w.t. Selain itu juga guru-guru perlu dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif. Ianya juga turut menjadikan penyampaian pengajaran akan menjadi lebih baik (Juriah et.al 1999).

Dalam kajian Zamri & Magdeline (2012), keupayaan seorang guru yang mengajar sesuatu mata pelajaran dengan berkesan adalah bergantung kepada pengalaman, pengetahuan isi kandungan dan kemahiran pedagogi mata pelajaran tersebut. Selain itu, guru juga perlu memperkukuhkan penguasaan kemahiran dan strategi pengajaran agar pencapaian murid sentiasa berada di tahap yang tinggi.

Dalam kajian Farah Ilyani (2011), ianya menyatakan bahawa terdapat guru KKQ yang mengajar kemahiran al-Quran di sekolah menengah tidak dapat mengajar



tarannum dengan betul. Hal ini terjadi kerana kurangnya kursus dan pendedahan terhadap bidang berkaitan.

Pada peringkat sekolah rendah pula, walaupun tiada kurikulum khusus mata pelajaran tarannum al-Quran, namun terdapat program seperti Majlis Tilawah al-Quran (MTQ) yang boleh dijadikan sebagai motivasi dan perangsang murid-murid sekolah rendah dalam mendalami ilmu tarannum al-Quran (Ahmad Shafiq et.al 2015).

Sekiranya tidak terdapat guru yang mahir dalam bertarannum, pasti sukar untuk melatih murid dalam menyertai pertandingan tersenut kerana penilaian diberikan kepada murid yang mampu mengaplikasikan tarannum dalam ayat yang diberikan dengan baik (Noor Fazillah Hassan 2015).

Oleh itu, dalam menyedari kepentingan kemahiran tarannum dalam bacaan al-Quran, dapat pengkaji rasakan ianya satu keperluan untuk menjalankan kajian ini bagi mendapatkan maklumat atau respon dari guru-guru tarannum yang berpengalaman di Sarawak mengenai bentuk pengajaran tarannum dalam pengajaran tilawah al-Quran.

1.3 Penyataan Masalah

Terdapat satu tinjauan yang telah dilaksanakan bagi mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan tajuk yang dilakukan. Menurut Nik Ja'far (1998), tarannum

merupakan kurikulum di dalam bacaan al- Quran selain tajwid, tahsin as-sout, dan tartil.

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan terdapat beberapa kelemahan yang dapat dikenalpasti terutamanya melibatkan guru tarannum itu sendiri. Hal ini kerana masih kurang guru tarannum yang berkemahiran dalam mengajar ilmu tarannum. Masalah-masalah umum dan khusus yang dinyatakan mendorong pengkaji untuk mengkaji pola kaedah pengajaran tarannum yang digunakan.

Penyataan masalah dalam kajian ini dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu aspek yang melibatkan kepada isu di negeri Sarawak, faktor guru, kaedah pengajaran, teknik pengajaran, dan alat bantu mengajar.

Isu yang dapat diperhatikan dalam kajian ini adalah perkara yang melibatkan isu dalam negeri Sarawak itu sendiri. Hasil temubual bersama guru tarannum di negeri Sarawak Dato Haji Ismawi bin Duet (2019) berkenaan dengan perkembangan ilmu tarannum di negeri Sarawak dimana beliau mengatakan penguasaan tarannum bagi kalangan remaja dan dewasa masih pada tahap yang sederhana. Walaupun ilmu tarannum ini didedahkan kepada orang awam seawal kanak-kanak lagi melalui kelas- kelas tarannum yang dilakukan secara informal akan tetapi untuk memastikan pelajar dapat menguasai ilmu tarannum dengan baik perlu kepada bimbingan guru yang berpengalaman dan menguasai ilmu tarannum ini (Ismawi Duet, 2019).

Hal ini selari dengan kenyataan daripada hasil temubual guru tarannum di negeri Sarawak iaitu En Sahmat bin Materang (2019) dimana beliau mengatakan

guru memainkan peranan penting dalam mencapai ilmu tarannum kepada golongan yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Oleh sebab itu, guru perlu memahami dan menguasai teknik-teknik yang sesuai dengan tahap pelajar itu sendiri (Sahmat Meterang, 2019).

Dapat dilihat berdasarkan daripada permasalahan di atas pengkaji merasakan bahawa di negeri Sarawak juga banyak guru yang mengajar tarannum akan tetapi perlu kepada penambahbaikan lagi dari aspek kemahiran dan juga penguasaan tarannum. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Ismawi Duet (2019) mengenai saranan bagi memastikan pelajar dapat menguasai ilmu tarannum dengan baik perlunya kepada bimbingan guru yang berpengalaman dan menguasai ilmu tarannum.

Selain itu, terdapat permasalahan yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji bahawa kurangnya kajian-kajian mengenai ilmu tarannum di negeri Sarawak. Kebanyakan kajian-kajian yang terdapat di semenanjung Malaysia sahaja yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji. Ianya berdasarkan daripada penelitian pengkaji daripada kajian lepas yang telah dilakukan.

Bagi faktor guru pula, kajian yang dilakukan oleh (Nasir dan Rubiyah 2005) mendapati bahawa penguasaan tarannum dalam kalangan guru adalah rendah. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh (Aderi 2008; Wan Fakhrul Razi 2008; Ahmad Nuruddin 2008; Muhammad Lukman 2010) yang menegaskan bahawa guru kurang mengalunkan tarannum ketika mengajar tilawah al-Quran.



Selain itu, hasil daripada temubual Penyelia Kanan PPD Pendidikan Islam Hulu Selangor yang berkaitan dengan keputusan Majlis Tilawah Al-Quran (MTQ) (2015) dimana beliau mengatakan penguasaan tarannum dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam perlu ditingkatkan bagi membimbing dan membantu pelajar dalam MTQ. Salah satu faktor peserta dalam MTQ kecundang dalam tilawah al-Quran adalah kurangnya guru-guru Pendidikan Islam di daerah Hulu Selangor yang mahir dalam bertarannum. (Norfazilah Hassan, 2016)

Seterusnya, menurut En Shahidan bin Rosli (2015) PPD J-QAF, beliau mengatakan peranan seorang guru amat penting dalam membina kemenjadian seseorang pelajar. Oleh sebab itu, guru perlu berusaha dalam meningkatkan kemahiran dalam tarannum bukan untuk membantu pelajar dalam MTQ sahaja, malah ianya penting dalam pengajaran tilawah al-Quran dalam bilik darjah. (Norfazilah Hassan, 2016).

Menurut Farah Ilyani (2011), terdapat guru-guru KKQ yang langsung tidak pernah menghadiri kursus yang berkaitan pengajaran KKQ. Hal ini antara faktor guru tidak mampu mengajar tarannum dengan betul.

Dengan itu, daripada isu yang melibatkan guru itu sendiri, ianya menjadi titik tolak kemungkinan wujudnya masalah guru tersebut adalah berpunca daripada kurangnya kemahiran dari aspek kaedah pengajaran itu sendiri.

Dari aspek kaedah pengajaran, menurut Mohd Aderi (2009) yang berkaitan dengan amalan pengajaran tilawah al-Quran sekolah menengah di Malaysia dimana item 'guru mengajar tilawah al-Quran secara bertarannum (berlagu)' adalah berada





pada item yang terendah. Dapatan ini dapat dilihat selaras dengan kajian Mazhair Shahroz (2014) yang mendapati bahawa penguasaan tarannum dalam kalangan pelajar adalah lemah kerana bukan sahaja guru tarannum kurang dalam penggunaan teknologi pengajaran dan pembelajaran tetapi lemah dalam kaedah pengajaran.

Hal ini menunjukkan bahawa terdapat kemungkinan pengajaran al-Quran dengan tarannum mampu memberi motivasi dan menyentuh perasaan murid untuk menguasai kemahiran membaca al-Quran. Beliau juga turut menyarankan supaya guru Pendidikan Islam berusaha untuk mempertingkatkan kualiti pengajaran dengan mengaitkan pengajaran tilawah al-Quran dengan ilmu tarannum.

Dengan itu, dalam berusaha untuk mempertingkatkan kualiti pengajaran dalam pengajaran tilawah al-Quran, guru perlu menitikberatkan teknik-teknik yang sesuai dalam kaedah pengajaran supaya pengajaran dapat berjalan dengan lancar.

Dari aspek teknik pengajaran, Fakhrol Razi (2008) menyatakan teknik ini memudahkan pelajar untuk menguasai tarannum al-Quran. Walaubagaimanapun, hasil dapatan Mazhair Shahroz (2014) menunjukkan bahawa terdapat beberapa teknik yang penting diabaikan dalam pengajaran dan pembelajaran tarannum al-Quran.

Menurut Mazhair Shahroz (2014) lagi, dapatan menunjukkan teknik memperkenalkan ciri-ciri tarannum kurang dititikberatkan oleh guru. Hal ini menunjukkan perlunya teknik-teknik dalam pengajaran guru itu sendiri bagi memastikan pelajar dapat menerima pengajaran tersebut dengan mudah.



Dengan itu, guru bukan sahaja perlu mempertingkatkan lagi teknik-teknik dalam pengajaran, malah guru juga perlu mengambil berat dalam penggunaan alat bantu mengajar yang sesuai dalam pengajaran. Itu juga menunjukkan guru tersebut mempunyai teknik dalam pengajaran.

Dari sudut alat bantu mengajar, Mohd Aderi (2011) menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran adalah masih kurang. Dapatan ini disokong melalui saranan daripada Mazhair Shahroz (2014) dimana guru seharusnya menggunakan penggunaan ABM semaksimumnya sama ada berbentuk elektronik ataupun tidak. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar kurang diberi perhatian.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada kajian-kajian dan hasil dapatan yang telah dikemukakan, pengkaji dapat mengenalpasti bahawa masih kurang kajian mengenai ilmu tarannum ini khususnya di negeri Sarawak itu sendiri. Selain itu, daripada permasalahan yang telah dinukilkan di atas menunjukkan bahawa pengajaran tarannum al-Quran dalam aspek guru, kaedah pengajaran, teknik pengajaran, dan penggunaan ABM dalam tarannum masih mempunyai kelemahan-kelemahan yang perlu kepada penambahbaikan.

Walaubagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan kepada menerokai pola pengajaran dari sudut kaedah, teknik, aktiviti dan ABM yang terdapat dalam pengajaran tarannum di negeri Sarawak supaya dapat dijadikan sebagai panduan dalam penambahbaikan pengajaran tarannum khususnya di negeri Sarawak.

Pengkaji juga merasakan perlunya kajian ini dilakukan untuk mengetengahkan pola pengajaran tarannum al-Quran di negeri Sarawak untuk mengoptimumkan objektif yang telah ditetapkan. Kajian yang berkaitan mengenai pola pengajaran tarannum al- Quran ini adalah untuk memberi maklumat tentang kaedah, teknik, aktiviti dan ABM dalam pengajaran tarannum, mengenalpasti masalah dan memberi cadangan bagi memurnikan permasalahan pengajaran yang timbul.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah bagi menerokai pola pengajaran guru tarannum al-Quran dari aspek kaedah, teknik, aktiviti yang digunakan dan penggunaan alat bantu mengajar (abm). Manakala objektif khusus kajian ini adalah untuk;-

1.4.1 Meneroka profil guru tarannum di negeri Sarawak dari aspek umur, jantina, daerah asal, tahap akademik, pekerjaan, tahap pencapaian dan kelas pengajian tarannum.

1.4.1.1 Meneroka pengajaran tarannum al-Quran di Sarawak dari aspek kaedah, teknik dan aktiviti yang dilakukan dalam pengajaran tarannum al-Quran.

1.4.1.2 Meneroka penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran tarannum al- Quran di negeri Sarawak.

1.5 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dinyatakan untuk mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian ini. Beberapa persoalan kajian telah dikenal pasti iaitu

1.5.1 Apakah profil guru tarannum di Sarawak dari aspek umur, jantina, daerah asal, tahap akademik, pekerjaan, tahap pencapaian dan kelas pengajian tarannum?

1.5.2 Menjawab objektif kajian dari aspek pengajaran tarannum al-Quran:

1.5.2.1 Bagaimanakah kaedah, teknik dan aktiviti digunakan dalam pengajaran tarannum al-Quran?

1.5.2.2 Adakah terdapat alat bantu mengajar digunakan dalam pengajaran tarannum al- Quran?

1.6 Kerangka Teori

Kajian yang dijalankan merupakan kajian untuk menerokai pola pengajaran tarannum al-Quran di Sarawak yang melihat dari aspek kaedah, teknik, aktiviti dan ABM yang digunakan dalam pengajaran tarannum. Kaedah dan teknik pengajaran tarannum yang menjadi fokus kajian ini merujuk kepada Model Pengajaran Al-Quran al-Qabisi (1955) dan disokong dengan Model Pengajaran Tarannum Mazhair Shahroz (2014).

Berikut merupakan latar belakang teori yang menjadi tunjang asas dalam merangka kajian ini.

1.6.1 Model Pengajaran Al-Quran Al-Qabisi (1955)

Berdasarkan penelitian pengkaji melalui teks penulisan Muhamad Nasir et.al (2020), ianya menerangkan Model Pengajaran al-Quran ini berasaskan pemikiran al-Qabisi yang telah dirungkai melalui penulisan syarahan kitab klasik oleh Ahwani (1955) dan Ahmad Khalid (1986) terhadap kitab utama yang bertajuk “Al-Risalah al-Mufassilah li Ahwal al-Muta'allimin wa Ahkam al-Mu'allimin wa al-Muta'alimin”.

Selain itu, ianya juga daripada penulisan buku ilmiah (al-Na'miy, 1994; Gamal Abdul Nasir Zakaria, 2003) dan dokumen berbentuk tesis (Mazhair Shahroz Muhasip, 2014; Paharudin Arbain, 2015 dan Azmil Hashim, 2010) yang dapat diteroka serta bacaan sendiri (Muhamad Nasir et.al 2020) secara mendalam telah dapat mengenal pasti beberapa komponen pengajaran al-Quran menurut al-Qabisi.

Secara umumnya, komponen pengajaran tersebut terdiri daripada matlamat, objektif, kaedah, teknik, alat bantu mengajar dan penilaian yang berkait dengan kemahiran bacaan al-Quran (Muhamad Nasir et.al 2020).

Menurut Muhamad Nasir et.al (2020) lagi, al-Na'miy (1994) dan Ahwani (1955) menyatakan matlamat pengajaran al-Quran menurut al-Qabisi adalah untuk memahami agama (ma'rifatuddin) dan membentuk akhlak manakala objektif



pengajaran al-Quran menurut al-Qabisi adalah supaya dapat menghafal ayat al-Quran (hifz), menghayati maksud ayat (wa'iy) dan membaca semula (istirja') secara tartil (Ahwani, 1955; Azmil Hashim, 2010; Mazhair Shahroz Muhasip, 2014). Berdasarkan ketiga-tiga objektif tersebut dapat difahami bahawa ianya saling berkait antara satu sama lain (Muhamad Nasir et.al 2020).

Dapat dirumuskan bahawa objektif pengajaran menurut al-Qabisi (1955) yang bersandarkan kepada hafalan al-Quran dalam kalangan anak-anak turut disertakan dengan penghayatan ayat (wa'iy) secara berterusan serta dapat mengulang bacaan (istirja') ayat al-Quran yang betul agar lancar dan tidak gagap (Muhamad Nasir et.al 2020).



kajiannya menukulkan pandangan Ahwani (1955) yang menyatakan al-Qabisi (1955) turut menggariskan panduan dalam kaedah pengajaran al-Quran seperti kaedah talqin, takrar, al-mail (cintakan al-Quran) dan al-fahm.

Manakala teknik pelbagai pancaindera ditekankan seperti teknik menulis, mendengar, melihat dan membaca (Ahwani, 1955; Azmil Hashim, 2010; Mazhair Shahroz Muhasip, 2014).

Melalui teks penulisan Ahmad Khalid (1986), dapat difahami bahawa Ahwani (1955) tidak menghadapi kesukaran untuk menyatakan penggunaan alat bantu mengajar yang ditekankan oleh al-Qabisi dalam pelajaran ialah mushaf al-Quran, buku catatan dan alat tulis.



Dalam aspek penilaian pengajaran, Muhamad Nasir et.al (2020) menukilkan bahawa al-Na'miy (1994) menyatakan penilaian disisi al-Qabisi adalah melalui penilaian dalam bentuk berkala secara harian dan mingguan, peperiksaan akhir serta pemerhatian. Bahkan, al-Qabisi (1955) turut menyatakan guru perlu untuk melaporkan kepada ibu bapa akan kelemahan pelajar supaya ibu bapa pelajar tersebut dapat menerima kekurangan yang terdapat pada anaknya.

Secara kesimpulannya, berdasarkan penelitian tersebut, pengkaji memilih Model Pengajaran al-Quran al-Qabisi (1955) untuk dijadikan sebagai kerangka utama dan disesuaikan dalam konteks kajian pengkaji.

1.6.2 Model Pengajaran Taranum (Mazhair Shahroz Muhasip, 2014)

Dalam kajian ini, pengkaji memilih Model Pengajaran Taranum (Mazhair Shahroz Muhasip, 2014) untuk dijadikan sebagai model sokongan kepada Model Pengajaran Al-Quran Al-Qabisi (1955). Justifikasi pemilihan model ini adalah disebabkan pengkaji merasakan perlunya suatu model berbentuk kerangka panduan pengajaran taranum sedia ada yang sesuai untuk dijadikan sebagai sandaran.

Selain itu, model ini turut dibina melalui teori pemikiran al-Qabisi (1955) tentang hal-hal yang berkaitan dengan pengajaran al-Quran (Muhamad Nasir et.al 2020).

Model Pengajaran Taranum ini terhasil melalui kajian penilaian pelaksanaan pengajaran taranum al-Quran dalam Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz (KKQ) (Muhamad Nasir et.al 2020).

Sumbangan kajian ini terarah kepada suatu usaha penambahbaikan terhadap pelaksanaan KKQ melalui beberapa aspek seperti objektif dan matlamat pelaksanaan, kaedah pengajaran, teknik pengajaran, ABM/BBM dan pencapaian pelajar (Robiatul Adawiah Jamali dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2016).

Menurut Azmil Hashim et.al (2014), kemahiran membaca al-Quran merupakan salah satu cabang ilmu yang bergerak seiring dengan perkembangan ilmu-ilmu lain serta saling melengkapi antara satu sama lain.

Secara dasarnya, matlamat pengajaran tarannum menurut Mazhair Shahroz Muhasip (2014) adalah untuk mengetahui hal ehwal agama, memiliki akhlak yang mulia, menghafaz ayat taranum al-Quran, menghayati isi kandungan dan mampu untuk membaca semula al-Quran dengan baik .

Menurut Mazhair Shahroz Muhasip (2014), matlamat yang diletakkan ini berpadanan dengan matlamat dan objektif pengajaran di sisi al-Qabisi (1955).

Seterusnya, berdasarkan objektif pengajaran tarannum menurut Mazhair Shahroz Muhasip (2014), ianya berfokuskan kepada buku panduan KKQ bagi pelajar tingkatan empat. Ianya seperti berikut:



- Menceritakan sejarah taranum Sikah.
- Menceritakan sifat-sifat taranum Sikah.
- Menerangkan peranan taranum Sikah.
- Menjelaskan harakat-harakat taranum Sikah dan peranannya.
- Menjelaskan sejarah taranum Jiharkah.
- Menjelaskan sifat-sifat dan ciri-ciri taranum Jiharkah.
- Mengetahui peranan taranum Jiharkah.
- Mengenal harakat- harakat taranum Jiharkah dari segi mahattah dan tabakatnya.
- Mengalunkan taranum Jiharkah.
- Mengulangkaji taranum yang telah dipelajari
- Menyatakan istilah-istilah dalam taranum.
- Menyatakan pengertian wuthlah mumathalah.




- Menjelaskan pengertian harakat.
- Menerangkan harakat dan mahattahnya.
- Menerangkan peranan mahattah.
- Menerangkan pengertian qit'ah.
- Menerangkan bahagian-bahagian qit'ah.
- Menghuraikan peranan qit'ah.
- Menyatakan pengertian burdah.
- Menjelaskan bahagian-bahagian burdah.
- Menghuraikan sifat-sifat burdah.
- Menerangkan peranan burdah.

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008)




Di dalam penelitian pengkaji melalui penulisan Muhamad Nasir et.al (2020), beliau menyatakan bahawa Mazhair Shahroz Muhasip (2014) menggunakan teori pendidikan al-Quran yang diperkenalkan oleh al Qabisi (1955) sebagai kerangka teori kajian beliau. Daripada kerangka teori kajian ini beliau membina satu kerangka konseptual kajian yang bertepatan dengan objektif kajian.

Oleh sebab itu, pengkaji menggunakan Model Pengajaran Al-Quran Al-Qabisi (1955) dan Model Pengajaran Tarannum Al-Quran Mazhair Shahroz Muhasip (2014) sebagai sokongan untuk dijadikan sebagai kerangka teori bagi kajian ini. Ianya akan disesuaikan mengikut konteks kajian ini bagi yang secara umumnya untuk mengenalpasti pola pengajaran tarannum al-Quran.



Rajah 1.1. Model Pengajaran Al-Quran Al-Qabisi (1955)



Rajah 1.2. Model Pengajaran Tarannum Al-Quran Mazhair Shahroz (2014)


1.7 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual kajian yang dibina khusus bagi kajian ini bertujuan untuk menerangkan beberapa tema yang berkaitan dengan pengajaran tarannum al-Quran. Kerangka konsep ini adalah hasil daripada Model Pengajaran Al-Quran Al-Qabisi (1955) dan Model Pengajaran Tarannum Al-Quran Mazhair Shahroz Muhasip (2014) sebagai model sokongan. Model yang dipilih menjadi kerangka konseptual bersifat khusus dan dapat menunjukkan pola pengajaran tarannum al-Quran

Kajian ini melibatkan pengajaran guru yang berpengalaman luas dalam bidang tarannum. Pengkaji akan mengenalpasti bagaimana bentuk pengajaran guru tarannum di Sarawak dari aspek kaedah pengajaran, teknik pengajaran dan juga penggunaan ABM dalam pengajaran tarannum.

Bagi mengenalpasti pola pengajaran tarannum al-Quran yang digunakan, pengkaji menjalankan kajian dengan mengadakan temubual dengan guru yang terlibat dalam pengajaran tersebut.

Tema yang akan dibincangkan dalam kajian ini adalah kaedah pengajaran, teknik, penggunaan ABM yang secara asasnya daripada Model Pengajaran al-Quran Al-Qabisi (1955) dan Model Pengajaran Tarannum Al-Quran Mazhair Shahroz Muhasip (2014) yang telah di ubah suai di mana pengkaji hanya memilih tiga daripada enam kompenen tersebut untuk diterapkan sebagai keperluan dan mengikut kesesuaian kajian ini. Disamping itu juga pengkaji akan menfokuskan elemen-elemen sampingan yang lain bagi menambahkan lagi maklumat-maklumat yang mendorong kearah mempelbagaikan bentuk pengajaran tarannum al-Quran.



Rajah 1.3 Model Pengajaran Tarannum Al-Quran



1.8 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan kepada guru-guru al-Quran ataupun guru pendidikan Islam sama ada yang mengajar di dalam KKQ ataupun tidak dalam melihat kaedah, teknik, aktiviti dan ABM yang digunakan dalam pengajaran tarannum.

Selain itu, ianya juga boleh dijadikan sebagai panduan dalam memantapkan lagi kaedah pengajaran yang sedia ada disamping membantu mempelbagaikan lagi teknik pengajaran di sekitar daerah Sarawak samada di Sekolah Menengah Kebangsaan mahupun Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.



Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usaha untuk membantu para guru-guru al-Quran atau guru pendidikan Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam khususnya dalam bidang al-Quran. Oleh itu, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi sedikit sebanyak maklumat kepada masyarakat sekeliling khususnya masyarakat Muslim di Sarawak berkaitan dengan pembelajaran pendidikan Tilawah al-Quran khususnya dalam bidang tarannum.

1.9 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji membataskan kajian kepada perkara-perkara tertentu sahaja supaya skop kajian tidak terlalu luas. Lokasi kajian yang dilakukan adalah di



negeri Sarawak. Hal ini kerana, masih kurang kajian yang dilakukan mengenai ilmu tarannum di negeri Sarawak.

Kajian ini hanya terbatas kepada guru yang mengajar tarannum di negeri Sarawak. Pengkaji akan memilih guru professional yang bergiat aktif dalam bidang tarannum di negeri Sarawak untuk dijadikan sebagai subjek kajian.

Pengkaji akan melakukan kepada 4 orang guru professional dalam bidang tarannum dengan menggunakan kaedah temubual. Maklumat mengenai kajian yang diperolehi daripada responden adalah berdasarkan maklum balas daripada temubual daripada guru tarannum di Sarawak.

1.10 Definisi Operasional

Untuk tujuan kajian, istilah berkaitan di definisikan seperti yang berikut:

1.10.1 Pengajaran

Menurut Shababuddin et al. (2003), pengajaran merupakan sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama antara guru dan murid. Tanpa salah satu daripadanya maka tidak akan berlaku proses pengajaran.

Selain itu, Abdul Rahim (2002) juga turut menyatakan bahawa pengajaran merupakan suatu proses yang berfokus kepada urusan yang terdapat dalam domain guru termasuk urusan bilik darjah dan sebagainya.

Menurut beliau lagi, dalam menambahbaik proses pengajaran ini, beberapa perkara yang boleh dilakukan secara berterusan iaitu pengkajian, pengembangan ilmu, pemantapan kemahiran dan merujuk kepada amalan profesional yang berkaitan.

Menurut Sharifah Alawiah (1983), pengajaran merupakan aktiviti atau proses kerana apabila guru mengajar, aktiviti seperti menyoal, menerangkan, mendengar, menggalakkan sesuatu dan berbagai-bagai aktiviti lain akan turut

Menurut Ishak (2006) ianya melibatkan suatu aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu meliputi perkara-perkara seperti aktiviti perancangan, pengeloaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan cara yang berkesan.

Oleh itu, definisi pengajaran dalam kajian ini adalah merujuk kepada pengajaran yang berdasarkan kepada model Pengajaran al-Quran Al Qabisi (1955) yang mana merangkumi kaedah pengajaran, teknik pengajaran dan Abm yang digunakan dalam pengajaran.

1.10.2 Tarannum

Menurut Ibn al-Manzur (1405h) dalam kitab Lisan al-‘Arab, dari sudut bahasa tarannum adalah berasal dari perkataan تَرْنَمُ yang bermaksud menyanyi, mendendang dan memperelokkan suara terhadap sesuatu.

Selain itu, menurut Labieb Saied (t.t), tarannum juga bermaksud تَرْجُّعُ yang bermaksud membaca dengan menggunakan nada suara yang indah atau suara yang digunakan dalam bentuk seni.

Menurut Napiiah Sahrani (2001), penggunaan perkataan Tarannum ini juga sering digunakan dan paling dikenali di Malaysia sebagai bukti istilah tarannum ini merujuk kepada lagu-lagu al-Quran atau membaca al-Quran secara berlagu. Ianya juga bertujuan untuk membezakan dengan lagu-lagu dan irama yang lain seperti lagu nasyid, qasidah, berzanji, tausyih dan lain-lain.

Menurut Norakyairee Mohd Raus dan Adnan Mohamed Yusoff (2008), tarannum boleh didefinisikan dari segi bahasa sebagai irama dan lagu. Dari segi istilah pula ialah suatu ilmu atau kaedah suara yang dibunyikan melalui nada, rentak dan irama yang tertentu untuk mewujudkan kelunakan seni bunyi sesuatu bacaan khususnya dalam bacaan al-Quran.

Oleh itu, tarannum dalam kajian ini didefinisikan merujuk kepada Model Pengajaran Tarannum Al-Quran Mazhair Shahroz Muhasip (2014) di mana dalam objektif model tersebut menggunakan istilah lagu-lagu tarannum seperti Bayyati,

Nahwand, Soba, Rast, Sikah, Hijjaz dan Jiharkah yang diperkenalkan mengikut silibus program KKQ.

1.11 Kesimpulan

Kajian ini adalah satu kajian untuk meneroka pola pengajaran tarannum al-Quran yang digunakan oleh guru al-Quran khususnya dalam bidang tarannum di Sarawak. Ilmu tarannum ini boleh dipelajari oleh sesiapa sahaja terutama golongan Islam bagi meningkatkan lagi kemahiran dalam membaca al-Quran. Hal ini kerana kedudukannya sebagai suatu ilmu yang dapat diamalkan bagi membina matlamat yang jauh lebih tinggi dan suci sebagai khalifah Allah SWT untuk mentadbir dan menguruskan kehidupan berpandukan al- Quran dan Sunnah (Mazhair Shahroz Muhasip 2014).